

SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/10/17_18 (HQ)

MALAYSIA DAN SINGAPURA AKAN MENJALANKAN KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENUH BAGI SAMBUNGAN ELEKTRIK KEDUA

Tenaga Nasional Berhad (TNB), SP Group dan Singapore Energy Interconnections (SGEI) menandatangani Perjanjian Pembangunan Bersama (JDA) hari ini bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan penuh (*full feasibility study*) untuk pembangunan sambungan elektrik kedua antara Semenanjung Malaysia dan Singapura. Sambungan kedua ini, dengan potensi kapasiti sehingga 2,000 megawatt (MW), bertujuan memperkukuh kerjasama tenaga antara kedua-dua negara serta meningkatkan kapasiti perdagangan elektrik rentas sempadan. Sambungan ini disasarkan untuk beroperasi bermula tahun 2030.

Majlis menandatangani perjanjian ini diadakan bersempena Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43 (AMEM) di Kuala Lumpur, Malaysia. JDA tersebut ditandatangani oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif SP PowerGrid, Jimmy Khoo; dan Ketua Pegawai Eksekutif SGEI, Ong Teng Koon. Majlis ini turut disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia, Datuk Amar Fadillah Yusof, dan Menteri Bertanggungjawab bagi Tenaga, Sains dan Teknologi Singapura, Dr. Tan See Leng.

Melalui JDA ini, ketiga-tiga pihak akan memulakan kajian kebolehlaksanaan penuh bagi menilai daya maju teknikal dan komersial sambungan kedua tersebut. Kajian ini merupakan lanjutan kepada kejayaan kajian pra-kebolehlaksanaan oleh SP Group dan TNB yang siap dilaksanakan pada Mei 2025. Kajian tersebut mendapati bahawa tiada halangan teknikal untuk melaksanakan sambungan kedua ini.

“TNB, sebagai syarikat utiliti elektrik utama Malaysia, komited untuk memperkukuh kerjasama tenaga serantau selaras dengan inisiatif Grid Kuasa ASEAN (APG). Kajian kebolehlaksanaan yang akan dijalankan bagi sambungan kedua Malaysia–Singapura ini merupakan langkah penting ke arah memperluaskan perdagangan elektrik rentas sempadan. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh keterjaminan tenaga, malah menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara Malaysia dengan membolehkan integrasi tenaga boleh diperbaharui yang lebih meluas,” kata Megat Jalaluddin.

“Sebagai pengendali grid Singapura, SP Group kekal komited untuk memperkukuh infrastruktur tenaga kami bagi menyokong sambungan grid serantau. Kajian kebolehlaksanaan ini akan menjadi landasan bagi kerjasama yang lebih erat dengan Malaysia untuk meningkatkan keterjaminan tenaga melalui kepelbagaian sumber tenaga rendah karbon,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SP Group Stanley Huang.

“SGEI berbesar hati untuk bekerjasama dengan TNB dan SP Group dalam menjalankan kajian kebolehlaksanaan penuh bagi sambungan kedua yang akan memperkukuh hubungan tenaga antara Singapura dan Malaysia. Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama kami untuk

memperluas perdagangan elektrik dan meningkatkan kecekapan grid antara kedua-dua negara,” kata Ong Teng Koon.

JDA ini menandakan kemajuan penting dalam kerjasama Malaysia dan Singapura untuk memperkukuh hubungan dua hala dan kesalinghubungan tenaga serantau. Sambungan pertama antara kedua-dua negara telah diwujudkan pada tahun 1983 dengan tujuan sokongan bersama, dan telah dinaik taraf pada tahun 2022 bagi membolehkan aliran elektrik dua hala sehingga 1,000 MW. Pada masa ini, ia menyokong dua projek perdagangan elektrik rentas sempadan iaitu Projek Integrasi Tenaga Lao PDR-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS-PIP) dan projek rintis Energy Exchange Malaysia (ENEGEM). Sambungan kedua ini akan memajukan visi APG dengan memperkukuh sambungan grid serantau serta memperluas perdagangan elektrik rentas sempadan.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.2GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjaan utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Mengenai SP Group

SP Group ialah penyedia utiliti terkemuka di Asia Pasifik yang memacu masa depan tenaga melalui penyelesaian rendah karbon dan pintar. Syarikat ini memiliki dan mengendalikan rangkaian penghantaran serta pengagihan elektrik dan gas di Singapura dan Australia. Sebagai pengendali grid nasional Singapura, SP Group menyediakan perkhidmatan penghantaran, pengagihan dan sokongan pasaran bertaraf dunia kepada kira-kira 1.7 juta pelanggan industri, komersial dan kediaman.

Selain daripada perkhidmatan utiliti tradisional, SP Group turut menawarkan penyelesaian tenaga lestari bersepadu di Singapura, China, Thailand dan Vietnam. Penyelesaian ini merangkumi sistem penyejukan dan pemanasan daerah, tenaga boleh baharu, infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV), serta platform tenaga digital yang direka khas untuk kawasan, komuniti, serta pelanggan komersial dan industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari spgroup.com.sg atau ikuti kami di Facebook, LinkedIn dan Instagram.

Mengenai Singapore Energy Interconnections Pte Ltd (SGEI)

Singapore Energy Interconnections (SGEI) telah dilantik oleh Kerajaan Singapura untuk membangunkan dan mengendalikan sambungan elektrik rentas sempadan bagi membolehkan import tenaga elektrik ke Singapura. Sebagai pemangkin utama dalam peralihan tenaga negara itu, SGEI bekerjasama rapat dengan rakan industri serta pihak

S.A. 2025/05/17_18 (HQ)

berkepentingan kerajaan bagi memastikan daya maju teknikal dan komersial infrastruktur tenaga serantau. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sgei.com.sg dan ikuti SGEI di LinkedIn di www.linkedin.com/company/singapore-energy-interconnections/.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2025 jam 1:00 pm

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:

*Mohd Haikal Abd Jalil
Group Corporate Communications
Tenaga Nasional Berhad
Emel: media@tnb.com.my*

*Vanessa Li
Communications
SP Group
Emel: vanessael@spgroup.com.sg*

*Peh Cheng Hwee
Corporate Communications
Singapore Energy Interconnections
Emel: pehchenghwee@sgei.com.sg*